

Najib kesal

Duta ^{RM} - 24/6/07

Eropah

pertikai DEB

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak kesal dengan kenyataan Duta dan Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel yang mahu kerajaan menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan memintanya tidak mencampuri urusan atau dasar Kerajaan Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apabila Rommel membuat ulasan dasar sesebuah negara yang beliau ditauliahkan sebagai duta, bererti dia campur tangan dalam urusan dalaman negara itu, walhal tugasnya ialah mengeratkan hubungan antara negara asal mereka dan negara ditugaskan sebagai duta.

"Dari segi prinsip dan amalan serta hubungan diplomasi, perbuatan dia (Rommel) bertentangan dengan amalan yang kita terima pakai.

"Malah, apa yang disuarakan itu memang boleh dipertikaikan dari segi fakta sebenarnya," katanya yang turut menyifatkan kenyataan itu melampaui batas.

Beliau memberitahu pemberita selepas Majlis Pelancaran Kempen Intervensi Awal Mencegah Kecacatan Kanak-Kanak di Dewan Konvensyen Jubli Perak, di sini, semalam.

Najib mengulas laporan agensi berita asing mengenai kenyataan Rommel yang meminta Kerajaan Malaysia mengkaji semula hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera lain yang terkandung dalam DEB.

Kenyataan itu dibuat dalam ucapannya pada satu majlis yang diadakan bersama ahli perniagaan tempatan dan luar negara di Kuala Lumpur, pada Khamis lalu.

Mengikut laporan itu, duta berkenaan dikatakan mengkritik secara terbuka DEB yang sudah dilaksanakan sejak 37 tahun lalu kerana memberi keistimewaan pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan beberapa bidang lain kepada orang Melayu dan Bumiputera lain.

Malah, mengikut laporan agensi asing itu, Rommel mendakwa sebahagian besar kegiatan ekonomi domestik di negara ini, sebenarnya tiada sebarang ruang diberi kepada syarikat asing.

Rommel menuduh Kerajaan Malaysia menggunakan DEB sebagai alasan melindungi pasarannya sendiri termasuk sektor automotif, besi, barang pengguna, barang pertanian, perkhidmatan dan kontrak kerajaan.